

e-Buletin KOPERASI

# SINOPSIS

DITERBITKAN OLEH: BAHAGIAN PROMOSI &amp; PENGGALAKAN KOPERASI SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA



*Perasmian Program*  
**SATU PEMIMPIN  
 SATU KAMPUNG**


**23 MEI 2026 (SABTU)**

 MASJID ANNUR, MUKIM BADAK,  
 MELAWI, BACHOK, KELANTAN

[www.skm.gov.my](http://www.skm.gov.my)

[SuruhanjayaKoperasiMalaysia](https://www.facebook.com/SuruhanjayaKoperasiMalaysia)

[SuruhanjayaKoperasi](https://www.instagram.com/SuruhanjayaKoperasi)

[SuruhanjayaKoperasi](https://www.tiktok.com/SuruhanjayaKoperasi)



# Perasmian Program SATU PEMIMPIN SATU KAMPUNG



**23 MEI 2026 (SABTU)**

MASJID ANNUR, MUKIM BADAK,  
MELAWI, BACHOK, KELANTAN

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) telah menganjurkan Program Satu Pemimpin Satu Kampung (Santuni MADANI) di Kampung Badak, Melawi sebagai inisiatif mendekati komuniti serta memperkukuh peranan koperasi dalam pembangunan sosio ekonomi setempat.

Program dimulakan dengan pelaksanaan Jualan Madani Koperasi (JMK) oleh gerakan koperasi negeri yang bertujuan membantu meringankan kos sara hidup masyarakat di samping menggalakkan penglibatan komuniti dalam aktiviti ekonomi koperasi.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif SKM, YBrs. Puan Noor Afifah binti Abdul Razak. Di dalam ucapan perasmian tersebut, beliau turut menyentuh mengenai kepentingan memperkasa koperasi sebagai pemacu pembangunan ekonomi rakyat.



DISEMPURNAKAN OLEH

**YBRS. PUAN NOOR AFIFAH BINTI ABDUL RAZAK**  
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF SKM



Ketua Pegawai Eksekutif SKM, YBrs. Puan Noor Afifah binti Abdul Razak menegaskan bahawa inisiatif yang dilaksanakan di kampung kelahiran beliau ini bukan sahaja membantu mengurangkan kos utiliti masjid, malah menjadi pemangkin kepada pembangunan komuniti yang lebih lestari, moden dan berdaya tahan.



Majlis turut menjemput mantan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (2004-2006) **YBhg. Dato' Sri Mustapa bin Mohamad** menyampaikan ucapan khas.

Beliau merupakan anak jati Kampung Badak dan pemimpin tempatan. Dalam ucapan tersebut, beliau menekankan kepentingan kerjasama antara agensi dan komuniti dalam memastikan kejayaan program pembangunan luar bandar.



## Pelancaran Projek Solar Masjid An Nur

Antara pengisian utama program ialah pelaksanaan gimik pelancaran yang melibatkan penyerahan sistem solar kepada Masjid An Nur dengan kos projek sebanyak RM50,000.00, tayangan montaj projek, pelancaran QR Kod sumbangan infak solar, penyerahan sumbangan zakat oleh pihak Bank Rakyat kepada penerima asnaf sebanyak RM20,000.00 serta penyerahan sijil pendaftaran Koperasi Kariah Masjid An Nur Mukim Badak Berhad.



## Teknologi Hijau Untuk Manfaat Ummah

Selaras dengan tema "Santuni MADANI, Memperkasa Komuniti Melalui Adaptasi Teknologi Lestari", Masjid An Nur, Kampung Badak kini dilengkapi dengan sistem solar dan bateri pintar hasil sumbangan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) SKM bernilai RM50,000.00 menerusi Program Santuni MADANI.

Projek ini melibatkan pemasangan 22 panel solar dan sistem bateri pintar berkapasiti 32.16 kWh yang dijangka mampu menjimatkan bil elektrik masjid sehingga 44%. Selain itu, sistem ini turut dilengkapi kemudahan pemantauan secara langsung (live monitoring) melalui aplikasi telefon pintar yang membolehkan pengguna memantau status grid, penggunaan tenaga dan prestasi bateri pada bila-bila masa.

Ketua Pegawai Eksekutif SKM, YBrs. Puan Noor Afifah binti Abdul Razak menegaskan bahawa inisiatif yang dilaksanakan di kampung kelahiran beliau ini bukan sahaja membantu mengurangkan kos utiliti masjid, malah menjadi pemangkin kepada pembangunan komuniti yang lebih lestari, moden dan berdaya tahan.



## PAMERAN DAN JUALAN KOPERASI TARIK PERHATIAN PENGUNJUNG



### SOKONGAN PELBAGAI PIHAK MENJAYAKAN PROGRAM

Majlis turut diserikan dengan kehadiran YBrs. Puan Masleza binti Muhammad (Ketua Penolong Ketua Jajahan Pembangunan, Pejabat Tanah dan Jajahan Bachok), YBrs. Dr. Akram bin Hasan (Pengarah SKM Negeri Kelantan), YBrs. Tuan Haji Mahathir bin Ibrahim (Ahli Jawatankuasa Masjid An Nur Mukim Badak), YBrs. Ustaz Mohd Zamerey bin Abdul Razak (Naib Presiden Eksekutif Syariah, Bank Rakyat), YBrs. Encik Mohd Farid bin Abdul Razak (Mantan Ketua Jajahan Bachok), serta Pengarah SKM Ibu Pejabat, pegawai-pegawai SKM negeri, para koperator, dan rakan-rakan media.

Program turut diisi dengan lawatan ke projek pemasangan solar serta reruai pameran dan jualan koperasi bagi memberi pendedahan secara langsung kepada peserta mengenai inisiatif yang dilaksanakan oleh gerakan koperasi.



### SANTUNI MADANI TINGKAT KESEJAHTERAAN KOMUNITI

Secara keseluruhannya, program ini berjaya mencapai objektifnya dalam memperkukuh hubungan antara SKM dan komuniti setempat, di samping meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai peranan koperasi sebagai pemacu pembangunan ekonomi dan kesejahteraan komuniti.

